

Headline **Sikap Nik Aziz dibidas**
Date **01 Feb 2011**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **Mohammad Fairuz Jumain**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **n7**
Article Size **221 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,216**
PRValue **3,648**



Sikap Nik Aziz dibidas

Pertahankan kenyataan Kuan Yew yang memperlekeh Islam

MOHAMMAD FAIRUZ JUMAIN

SHAH ALAM – Kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat seolah-olah menyokong kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew baru-baru ini yang meminta penganut Islam di negara itu supaya jangan berpegang teguh kepada agama dibidas oleh kebanyakan pemimpin.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Nik Aziz yang juga menyifatkan nasionalisme Melayu di negara ini lebih teruk daripada kenyataan Kuan Yew jelas menggambarkan beliau lebih mengutamakan peluang memburukkan musuh politiknya daripada mempertahankan Islam.

Menurutnya, nasionalisme Melayu ini telah berjaya menjadi kerajaan dan mengharamkan arak dalam majlis rasmi kerajaan, menerap nilai Islam dalam pentadbiran, menyediakan dana untuk kegiatan agama,



menubuhkan Tabung Haji, mendirikan masjid, menubuhkan universiti Islam, Bank Islam, Takaful, badan-badan dakwah, mengharumkan loteri nasional dan pelbagai lagi yang disuruh oleh Islam.

"Teruk sangatkah orang nasionalis ini dalam mengamalkan ajaran Islam? Sebaliknya apakah yang dilakukan oleh Nik Aziz dan Pas? Hasil Pas yang terbesar ialah memecah-belahkan orang Melayu-Islam di negara ini, penubuhan Pas itu sendiri berjaya memecahkan orang Islam setelah mereka

“Teruk sangatkah orang nasionalis ini dalam mengamalkan ajaran Islam? Sebaliknya apakah yang dilakukan oleh Nik Aziz dan Pas? Hasil Pas yang terbesar ialah memecah-belahkan orang Melayu-Islam di negara ini.”

- Mahathir

bersatu dalam UMNO untuk memperjuangkan nasib agama Islam.

"Bayangkan sahaja Islam di bawah pemerintahan Nik Aziz dengan (Pengerusi DAP) Karpal Singh, (Penasihat DAP) Lim Kit Siang, (Ketua Menteri Pulau Pinang) Lim Guan Eng.

"Jika pendapat rakan bukan Islam Nik Aziz menuntut supaya amalan ajaran Islam dilonggarkan, Nik Aziz mungkin bersetuju kerana Islam nasionalis lebih teruk daripada Kuan Yew," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mahathir berkata, tindakan Pas yang jelas sekali bertujuan memecahkan orang Melayu-Islam apabila Pas mengadakan sembahyang Jumaat dua imam, larangan perkahwinan orang Pas dengan UMNO, larangan menghadiri kenduri orang UMNO, serta pengasingan kubur orang Pas dan UMNO.

"Apabila Pas bertanding dalam pilihan raya pada 1955 hingga 1986, ia mendakwa UMNO menjadi kafir kerana bekerjasama dengan orang bukan Islam.

"Tetapi sekarang Nik Aziz sanggup bekerjasama dengan DAP untuk menubuhkan Pakatan Rakyat (PR), terus label kafir yang diberi kepada UMNO dulu dilupakan begitu sahaja," katanya.

Rabu lalu, Nik Aziz pada sidang media selepas mesyuarat Exco kerajaan negeri Kelantan menyifatkan orang Melayu di Malaysia yang menolak Islam dan mengambil pendekatan nasionalisme lebih teruk daripada Kuan Yew.